

Manifesto Kemampanan: NTU tetap matlamat kurangkan 50% pengeluaran karbon jelang 2035

► SHAHIDA SARHID
sshahida@sph.com.sg

UNIVERSITI Teknologi Nanyang (NTU) akan memperluaskan lebih 200 kursus elektif berkaitan kemampanan kepada mahasiswa, possiswazah serta program pendidikan berterusan.

Antaranya termasuk kemanusiaan sekitaran, minor dalam sejarah sekitaran, kemampanan sekitaran, pengurusan sekitaran, kemanusiaan sekitaran dan kemampanan bagi para mahasiswa.

Bagi menghasilkan generasi saintis baru dengan pengetahuan serta kemahiran terkini dalam kecerdasan buatan (AI) untuk menangani cabaran sekitaran yang kritikal, NTU juga telah melancarkan program Doktor Falsafah (PhD) rentas disiplin dalam AI dan Kemampanan.

Ini diumumkan Presiden NTU, Profesor Subra Suresh, sebagai sebahagian daripada Rangka Kerja Kemampanan universiti itu, yang diterapkan dalam Manifesto Kemampanan NTU bagi 15 tahun akan datang, dalam sidang media dalam talian semalam.

Universiti itu mempunyai matlamat untuk mencapai tahap karbon yang berkecuali serta pengurangan 50 peratus dalam pengeluaran karbon menjelang 2035.

Manifesto tersebut mencerminkan ko-

RANGKA KERJA KEMAMAPAN NTU
■ Capai sijil Platinum Tanda Hijau 100 peratus bagi semua bangunan layak di kampus utama NTU
■ Kurangkan penggunaan tenaga, air dan penghasilan sisa NTU sebanyak 50 peratus jelang Mac 2026
■ Terapkan kemampanan dalam kurikulum asas rentas disiplin bagi kesemua mahasiswa
■ Lancar pilihan program baru bagi mahasiswa, possiswazah dan pendidikan berterusan untuk aspek kemampanan yang berbeza
■ Galak huraian teknologi makanan dan laluan penghasilan makanan serta kurangkan pembuangan makanan
■ Tubuhkan Pejabat Kemampanan NTU baru
■ Jalin hubungan rapat dengan rakan longsi kemampanan industri

mitmen NTU untuk mengurangkan karbon dan pembangunan kemampanan yang merangkumi pelbagai pendekatan.

Ia juga berharap untuk menghubungkan dengan lancar inisiatif Kampus Bijak NTU, aktiviti pendidikan, prasarana kampus, penerokaan penyelidikan, kerjasama dengan industri serta pemerintah selain usaha yang disasarkan bagi menggalak dan memberi insentif kepada individu dan sikap masyarakat sepanjang 15 tahun akan datang.

Matlamat korporat dan kemampanan NTU akan disokong kemudahan bon bernilai \$1 bilion.

Menurut Profesor Suresh, NTU berada dalam kedudukan baik untuk menjadi peneraju dalam bidang kemampanan.

“Apa yang membuat NTU berbeza daripada yang lain ialah kita mempunyai gabungan prasarana, teknologi, rakan kongsi dan bakat untuk membantu kami merealisasikan impian kami agar dapat melaksanakan apa yang kita sebut sebagai ‘walk the walk’ atau melakukan apa yang dikatakan terutama dalam isu kemampanan,” katanya.

“Kita juga akan menggalak dan memberi rangsangan kepada generasi pelajar

sekarang dan masa depan serta kakitangan untuk mengambil bahagian dalam usaha kami menangani antara cabaran global paling penting ini.”

Beliau menambah penyelidikan, inovasi dan penerokaan yang dibuat menerusi kerjasama rentas disiplin dengan industri dan pemerintah akan menawarkan peluang serta huraian bagi menangani cabaran ini.

Rangka kerja kemampanan universiti itu juga termasuk rancangan untuk mencapai pensijilan Platinum Tanda Hijau 100 peratus bagi kesemua bangunan yang layak di kampus utama NTU selain mengurangkan penggunaan tenaga, air dan penghasilan sisa sebanyak 50 peratus menjelang Mac 2026 berbanding paras 2011.

Dalam pada itu, universiti itu akan menggalak huraian teknologi makanan dan laluan bagi penghasilan makanan mampan serta mengurangkan pembuangan makanan.

Satu pejabat kemampanan NTU juga akan ditubuhkan bagi menyelaras dan memacu usaha kemampanan dalam pendidikan, penyelidikan serta mendekati individu dan masyarakat menerusi cara yang holistik dan bersepadu.

NTU juga akan menjalin hubungan rapat dengan rakan kongsi kemampanan industri yang komited untuk menyertai usaha kemampanan universiti itu.